

Kesan pada alam sekitar, gangguan hormon, kanser

13.8 juta tan sisa plastik setahun

VM 13/11/2024 Pg 8

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Dianggarkan 13.8 juta tan metrik sisa plastik direkodkan di negara ini setahun termasuk membabitkan beg plastik sekali guna yang sekali gus mampu memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan.

Justeru, langkah kerajaan untuk mempertimbang menghentikan pemberian beg plastik sekali guna di seluruh negara seawal tahun 2026 disifatkan cukup baik yang perlu segera diikuti oleh negeri-negeri yang lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Koordinator Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (Grass) Perlis, Rosnani Nazri berkata, penggunaan plastik yang meluas boleh memberi kesan negatif kepada alam sekitar termasuk terhadap kesihatan manusia.

Katanya, kesan kepada pencemaran alam sekitar apabila beg plastik yang tidak terurai boleh mencemari tanah dan air sehingga mengakibatkan kerosakan kepada ekosistem.

Ujarnya, ia juga memberi ancaman kepada hidupan liar di mana haiwan boleh tersangkut atau termakan plastik yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian.

Selain itu, katanya, berkaitan peningkatan sisa pepejal, beg plastik yang menyumbang kepada peningkatan jumlah sisa



ROSNANI Nazri menunjukkan sisa plastik yang dikutipnya di Kuala Perlis, baru-baru ini.

pepejal tersebut yang perlu diuruskan boleh membebankan terhadap sistem pengurusan sisa.

"Antara kesan pencemaran lain adalah terhadap tanah dan air di mana beg plastik yang dibuang sembarangan boleh mencemari tanah dan sumber air. Plastik mengambil masa beratus-ratus tahun untuk terurai, menyebabkan pencemaran jangka panjang.

"Daripada segi pencemaran laut, beg plastik sering kali berahir di lautan di mana ia boleh membahayakan hidupan laut. Hidupan laut seperti penyu dan ikan boleh tersangkut atau termakan plastik yang boleh menyebabkan kecederaan atau

kematian.

"Beg plastik menyumbang kepada jumlah sisa pepejal yang besar sukar diuruskan dan memerlukan ruang pelupusan yang banyak," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan mempertimbangkan untuk menghentikan pemberian beg plastik sekali guna di seluruh negara seawal tahun 2026.

Menteri Sumber Asli dan Kestarian Alam (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad dilaporkan berkata, setakat ini, dua negeri dan satu daerah iaitu Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu sudah pun melaksanakan dasar tiada beg plastik sekali guna.